

Luar bandar akan terus diutamakan

BH 19 SEP 1988

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia akan mengekalkan sistem yang memberi 'penekanan' kepada kawasan luar bandar kerana ia terbukti sistem terbaik bagi kestabilan dan pembangunan negara yang seimbang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata negara yang memberi keutamaan kepada peratusan undi (yang dimenangi dalam pilihanraya umum) akan menghadapi masalah jika lebih daripada dua parti bertanding.

Menurutnya, pembahagian kerusi yang lebih banyak di kawasan luar bandar adalah satu amalan sejagat dalam demokrasi.

Sebagai perbandingan, beliau menyebut bahawa di Amerika Syarikat

juga wujud penekanan kepada kawasan luar bandar atau diskriminasi yang memberi keutamaan kepada kawasan luar bandar dan petani.

Datuk Seri Dr Mahathir juga tidak menganggap sebagai perkara ganjil dalam demokrasi bahawa Barisan Nasional berjaya merangkul 80 peratus daripada kerusi Dewan Rakyat walaupun hanya 57 peratus daripada rakyat mengundi BN dalam pilihanraya umum lalu.

"Berapa peratuskah daripada rakyat yang mengundi yang menyokong kerajaan-kerajaan yang kini memerintah di negara-negara demokratik di Eropah dan Amerika Utara?" tanya beliau.

Perdana Menteri juga menyifatkan kejayaan Umno dalam pilihanraya umum lalu sebagai yang terbaik sejak

tertubuhnya parti itu dan sejak pilihanraya diadakan di negara ini.

Pada tahun 1955 sewaktu negara masih dijajah oleh British, Umno menang 34 daripada 35 kerusi yang ditandingi dan dalam pilihanraya lalu pula, ia memenangi 83 daripada 84 kerusi.

Di segi peratusan, pada 1955 Umno menang 97 peratus daripada kerusi yang dipertandingkan tetapi pada tahun ini ia memenangi hampir 99 peratus daripada kerusi yang ditandingi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Umno berhak berbangga dengan kejayaan ini. Namun begitu, ia tidak boleh terlalu berbangga dengan kejayaan diri sendiri atau bersikap sombong dan angkuh atau berpuas hati sehingga lalai akan tanggungjawab.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli Umno akan hakikat bahawa kemenangan Umno itu pasti menambahkan lagi perasaan iri hati dan geram musuh parti.

Menurutnya, berikutan kejayaan Umno itu musuh-musuh parti membuat pelbagai ramalan yang cuma berasaskan angan-angan dan khayalan mereka sahaja.

Ramalan-ramalan ini termasuklah kononnya Umno menghadapi krisis kepemimpinan, Umno diserang oleh gejala berpuak-puak dan kononnya Umno sudah tebal dengan sentimen kedae-rahaman.

Selain itu, mereka juga menyebarkan khabar-khabar angin — umpamanya mengenai rasuah di kalangan pemimpin — untuk menghakiskan kepercayaan rakyat dan ahli-ahli Umno terhadap pucuk pimpinan.

"Walaupun dibuktikan semua khabar-khabar angin itu tidak benar, fitnah-fitnah ini terus disebarkan sehingga sekarang," katanya.